

**KARYA PELAJAR UUM DI FFM23**

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 26 Oktober 2010 14:25


Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

26 OKTOBER 2010 / 18 ZULKAEDAH 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

KARYA PELAJAR UUM DI FFM23

**Sebuah filem pendek mahasiswa UUM  
menpersembahkan**

Wang bukanlah segalanya!

UUM ONLINE: Hasil karya pelajar program Teknologi Media, Kolej Sastera dan Sains (UUM CAS), Zulfahmi Ahmad terpilih dalam pencalonan Filem Pendek Terbaik sempena Festival Filem Malaysia ke-23 (FFM23), baru-baru ini.

Karya bertajuk 'RM10' telah berjaya diketengahkan setanding dengan hasil karya mereka yang profesional dan lebih jauh berpengalaman.

Walaupun tidak memenangi kategori tersebut, namun ia adalah merupakan pengiktirafan terbaik daripada FINAS buat Universiti Utara Malaysia (UUM) yang pertama kali berjinak-jinak dengan perfileman menerusi bidang penyiaran di bawah program Teknologi Media.

Menurut Pengarah RM10, Zulfahmi Ahmad, walaupun tidak memenangi kategori tersebut, namun ia adalah peluang terbaik buat UUM bagi mengenengahkan bakat para pelajarnya.

"Kemenangan bukan satu persoalan, sebaliknya kita telah membuktikan sesuatu kepada industri perfileman," katanya.

Menurut pensyarah selaku penerbit bagi RM10, Lt. Nor Hissam Sulaiman, berkata, ia merupakan petanda awal bagi UUM dalam membuktikan kebolehan seterusnya bergerak lebih jauh dalam mewarnai industri perfileman tanah air dan pastinya universiti ini tidak mahu ketinggalan dalam melahirkan modal insan yang mampu menghasilkan karya berkualiti.

Filem pendek RM10 mengisahkan ciri-ciri yang terdapat pada wang kertas RM10. Ia turut memaparkan kisah cara manusia menggunakan wang RM10 bukan sahaja dalam urusan niaga semata-mata malah untuk tujuan lain sama ada dengan cara yang betul atau salah.